



23 Jun 2021
23 June 2021
P.U. (A) 275

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH PENGURUSAN STRATA (PENGECUALIAN
KEPADA PESURUHJAYA BANGUNAN) 2021

*STRATA MANAGEMENT (EXEMPTION TO COMMISSIONER
OF BUILDINGS) ORDER 2021*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PENGURUSAN STRATA 2013

PERINTAH PENGURUSAN STRATA (PENGECUALIAN KEPADA PESURUHJAYA
BANGUNAN) 2021

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 151 Akta Pengurusan Strata 2013 [Akta 757], Menteri selepas berunding dengan Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan, membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pengurusan Strata (Pengecualian kepada Pesuruhjaya Bangunan) 2021**.

(2) Perintah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa mulai 18 Mac 2020 hingga 30 Jun 2021.

Pengecualian

2. Menteri mengecualikan Pesuruhjaya Bangunan daripada pemakaian subseksyen 92(5) Akta tertakluk kepada syarat yang berikut:

(a) pemaju hendaklah mengemukakan permohonan bagi pembayaran balik deposit harta bersama kepada Pesuruhjaya Bangunan; dan

(b) Pesuruhjaya Bangunan hendaklah berpuas hati dengan keadaan harta bersama sebelum deposit harta bersama itu dibayar balik kepada pemaju.

Kecualian

3. (1) Perintah ini hendaklah tidak menjejaskan apa-apa prosiding undang-undang yang telah dimulakan atau apa-apa penghakiman atau award yang telah diperolehi dalam tempoh mulai 18 Mac 2020 hingga tarikh penyiaran Perintah ini dalam *Warta*.